

13 MAR 2000

Najib-Bosnia

KL DIGESA TERUSKAN SOKONGAN KEPADA BOSNIA DAN HERZEGOVINA

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Bosnia dan Herzegovina mahukan Kuala Lumpur untuk terus menyokong pelbagai institusinya termasuk angkatan tenteranya sambil negara Balkan itu membina semula negaranya dan berusaha menghalang berulangnya pembunuhan rakyatnya seperti yang berlaku beberapa tahun lepas.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata perkara itu disampaikan semasa pertemuan beliau dengan Komander Persekutuan Tentera Bosnia dan Herzegovina, Jeneral Rasim Delic, di sini, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Najib berkata: "Beliau memberitahu saya bahawa keadaan di Bosnia semakin baik. Tetapi beliau mahukan kita untuk meneruskan sokongan terhadap pelbagai institusi penting, termasuk Kementerian Pertahanan dan angkatan tentera.

"Ini kerana mereka sedang melalui satu tempoh penyatupaduan dan juga, mereka mahu memperluaskan keupayaan mereka bagi memastikan tidak berulangnya pembunuhan terhadap bangsa mereka."

Beliau berkata Delic secara khusus membangkitkan isu latihan bagi pegawai dan anggota tentera dari negaranya.

Delic mahu Malaysia meneruskan program latihan kepada pegawainya dan Kuala Lumpur bersedia menimbang permintaan itu, kata Najib.

Beliau berkata setakat ini, sebanyak 29 jenis kursus ditawarkan dan pihak Bosnia menerima 12 kursus latihan termasuk dua kursus secara kumpulan.

Pada masa ini, seorang pegawai tentera Bosnia sedang menjalani latihan di Maktab Turus Angkatan Tentera di sini dan tiga lagi di Pusat Latihan Tentera Darat (Pulada) di Johor.

Pasukan tentera negara ini pernah dihantar bertugas di bawah misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia dan Herzegovina.

Malaysia kini hanya menempatkan lima orang pemerhati di sana.

Najib juga berkata soal penjualan senjata turut dibangkitkan pada pertemuan itu.

Delic tiba Sabtu lalu untuk lawatan empat hari ke Malaysia.

Beliau dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pagi esok sebelum berlepas pulang pada sebelah malam.

-- BERNAMA

MAM NAK